



STATISTIK GAJI & UPAH 2024


“ **Purata** gaji & upah bulanan meningkat

6.1
peratus
pada 2024 ”



Purata gaji & upah bulanan meningkatkan **6.1%**
kepada **RM3,652** pada 2024

Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja bagi warganegara Malaysia, 2016 - 2024



	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Penengah (YoY)	3.0%	8.0%	6.9%	5.8%	-15.0%	8.7%	7.7%	7.1%	7.3%
Purata (YoY)	6.8%	8.4%	7.2%	4.4%	-8.4%	3.2%	5.6%	6.9%	6.1%

Penengah dan purata gaji & upah bulanan mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2023 dan 2024



Penengah dan purata gaji & upah bulanan mengikut pencapaian pendidikan, Malaysia, 2023 dan 2024

Penengah dan purata gaji & upah bulanan mengikut jantina, Malaysia, 2023 dan 2024



LELAKI

Penengah: RM2,850 (RM2,675)
Purata: RM3,759 (RM3,532)



PEREMPUAN

Penengah: RM2,641 (RM2,464)
Purata: RM3,499 (RM3,311)

Penengah dan purata gaji & upah untuk lelaki lebih tinggi daripada perempuan

Penengah dan purata gaji & upah bulanan mengikut tahap kemahiran, Malaysia, 2023 dan 2024



MAHIR

Penengah: RM5,582 (RM5,242)
Purata: RM4,679 (RM4,565)



SEPARUH MAHIR

Penengah: RM2,604 (RM2,475)
Purata: RM2,050 (RM1,916)



BERKEMAHIRAN RENDAH

Penengah: RM2,128 (RM1,982)
Purata: RM1,654 (RM1,599)


Kategori mahir mencatatkan **purata** gaji & upah bulanan tertinggi

TIADA PENDIDIKAN RASMI

Penengah: RM1,559 (RM1,436)
Purata: RM1,900 (RM1,818)

Purata Penengah

Bilangan penerima, penengah dan purata gaji & upah bulanan, 2012 – 2024



Bilangan penerima ('000) Penengah gaji & upah bulanan (RM) Purata gaji & upah bulanan (RM)



Purata gaji & upah bulanan meningkat sebanyak 6.1 peratus kepada RM3,652 pada 2024.

- Laporan Survei Gaji & Upah 2024 menunjukkan trend positif pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya. **Penengah** gaji dan upah bulanan **warganegara Malaysia** meningkat kepada **RM2,793**, naik daripada RM2,602 pada tahun 2023, manakala **purata** gaji & upah bulanan meningkat kepada **RM3,652** berbanding RM3,441 pada tahun 2023.
- Mengikut sektor ekonomi, purata gaji & upah bulanan bagi sektor **Pembuatan** mencatat peningkatan purata gaji & upah bulanan tertinggi, iaitu sebanyak 7.4 peratus kepada RM3,278. Seterusnya, sektor **Perkhidmatan** meningkat sebanyak **5.8 peratus** kepada **RM3,831**, dipacu oleh prestasi kukuh dalam subsektor Pendidikan, Maklumat dan komunikasi, serta Aktiviti kesihatan dan kerja sosial. Sektor **Perlombongan dan pengkuarian** kekal merekodkan **purata** gaji & upah bulanan tertinggi pada paras **RM5,904**, manakala sektor **Pembinaan** dan **Pertanian** masing-masing mencatatkan **RM3,035** dan **RM2,409**.
- **Purata** gaji & upah bulanan bagi pekerja **mahir** meningkat sebanyak **6.5 peratus**, bertambah sebanyak **RM340**, berbanding 7.5 peratus pada tahun 2023. Bagi pekerja **separuh mahir**, **purata** gaji & upah bulanan menunjukkan peningkatan yang lebih sederhana iaitu **5.2 peratus** (2023: 6.0%). Ini disumbang oleh kumpulan Pekerja sokongan perkeranian sebanyak RM2,931, diikuti Pekerja perkhidmatan & jualan sebanyak RM2,561, Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan sebanyak RM2,510 dan Operator loji dan mesin serta pemasang sebanyak RM2,404. Sementara itu, **purata** gaji & upah bulanan bagi kategori **berkemahiran rendah** naik sebanyak **7.4 peratus** kepada **RM2,128**, berbanding RM1,982 yang direkodkan pada tahun sebelumnya.
- Mengikut negeri, **W.P. Putrajaya** merekodkan **purata** gaji & upah bulanan tertinggi iaitu **RM5,091**. Empat lagi negeri turut melepasi purata nasional sebanyak RM3,652, iaitu **W.P. Kuala Lumpur (RM4,782)**, **Selangor (RM4,052)**, **W.P. Labuan (RM3,812)** dan **Pulau Pinang (RM3,787)**.
- **Penengah** gaji & upah sebenar bulanan bagi **warganegara Malaysia** mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak **5.4 peratus**, meningkat daripada RM1,995 kepada **RM2,103**. Sementara itu, **purata** gaji & upah sebenar bulanan bagi **warganegara Malaysia** meningkat sebanyak **4.2 peratus**, iaitu daripada RM2,639 kepada **RM2,750**.

